

來學中文



MARI BELAJAR
MANDARIN

CHEONG KAR MEE

来学中文

MARI BELAJAR
มาเรียนรู้

CHEONG KAR MEE

Penerbit Universiti
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

© Cetakan Pertama 2015

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

ISBN: 978-967-0257-45-7

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan dalam sebarang bentuk menggunakan sebarang alat sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Penerbit Universiti, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatologan-dalam-Penerbitan

Cheong, Kar Mee

MARI BELAJAR MANDARIN / CHEONG KAR MEE.

Bibliography: pages 139

ISBN 978-967-0257-45-7

1. Mandarin dialects--Conversation and phrase books.

2. Chinese language--Spoken Chinese. 3. Chinese language--Grammar.

I. Judul.

495.18

Diterbitkan oleh

Penerbit Universiti

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Kampus Bandar

Blok B, Aras 1, Jalan Hang Tuah

75300, Melaka, Malaysia.

Tel: 06-283 3346 Faks: 06-283 3019

Dicetak oleh

Percetakan Surya Sdn. Bhd.

Plot 29, Jalan IKS BK 2, Taman IKS Bukit Katil,

75450 Bukit Katil, Melaka, Malaysia.

Tel: 06-232 4475 Faks: 06-232 4960

DEDIKASI

Setinggi penghargaan diberikan kepada mereka di atas pengorbanan & kata-kata perangsang sehingga buku ini berjaya diterbitkan iaitu:

Bonda, Tan Pho Kim

Suami tercinta, Khor Chin Lee

Anak-anak yang dikasihi, Khor Zhe Wei dan Khor Ting Wei,

&

semua yang terlibat secara langsung

atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan buku ini.

Cheong Kar Mee

Buku ini memperkenalkan sistem fonetik dan tulisan yang komprehensif dan bersesuaian dengan kemampuan pelajar untuk mempelajari Bahasa Mandarin yang boleh diperaktikkan dalam kehidupan seharian. Buku benar-benar menepati kehendak dan keperluan mereka yang ingin mempelajari Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua atau ketiga.

Dr. Tee Boon Chuan
Timbalan Dekan,
Institut Pengajian Cina, Universiti Tunku Abdul Rahman

Kandungan buku ini telah diatur secara sistematik serta mengandungi topik seperti pembentukan dan peraturan penulisan Bahasa Cina. Pembelajaran menggunakan contoh-contoh dialog sangat bersesuaian dan saya meletakkan keyakinan bahawa buku ini dapat memberi manfaat kepada pelajar mahupun masyarakat umum.

Dr. Fan Pik Shy
Pensyarah Kanan,
Institute of China Studies, Universiti Malaya

Buku yang dihasilkan adalah sejajar dengan seruan kerajaan yang menggalakkan pelajar di peringkat pengajian tinggi untuk menguasai bahasa ketiga.

Kehebatan buku ini disokong oleh bahan pengajaran yang disediakan bersesuaian dengan pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa asing. Keduanya, topik yang terkandung dalam buku tersebut disertakan dengan perbendaharaan kata sebanyak 106 buah yang disusun secara sistematik. Tujuannya untuk membantu pelajar memahami dan menggunakan Bahasa Mandarin dalam kehidupan harian mereka dengan lebih berkesan dan berjaya.

Dr. Ng Boon Sim
Pensyarah Kanan,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Kandungan buku ini, secara keseluruhannya sangat sesuai dijadikan panduan kepada mereka yang baru belajar fonetik dan tatabahasa Bahasa Mandarin. Saya amat yakin buku ini akan memberi faedah besar kepada pelajar khususnya di Universiti Teknikal Malaysia Melaka mahupun masyarakat umum yang ingin mempelajari Bahasa Mandarin.

Dr. Ng Lay Shi, Liz
Pensyarah Kanan,
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Penerbitan buku ini menggabungkan kepakaran dan pengalaman penulis dalam mengajar Bahasa Mandarin selama 15 tahun. Bersandarkan kepada kelebihan tersebut, buku ini berjaya dihasilkan dengan memberi kemudahan dan kefahaman mendalam, mengandungi elemen keunikan Malaysia dan berbeza jika dibandingkan dengan buku-buku yang diimport.

Tan Chee Hon
Penulis, Pensyarah
Sarjana Sastera Cina dari Universiti Malaya

Usaha penulis dalam menghasilkan buku panduan Bahasa Mandarin wajar diberi pujian. Selain mampu mempelajari bahasa dengan mudah dan berkesan, ianya juga menjadi platform dalam mengeratkan hubungan etnik di Malaysia dan meningkatkan komunikasi efektif antara satu sama lain melalui perkongsian ilmu dan budaya.

Boon Ah Soo
KMN, BKT, PJK, JP
Penulis Kolumn di Suratkhabar Cina

目录

Kandungan

Kata Pengantar	ix	
Prakata	xi	
Penghargaan	xiii	
Dìyī kè 第一课	Hànyǔ pīnyīn (yī) 汉语拼音（一）	
Pelajaran 1	Fonetik Bahasa Mandarin (1).....	1
Dì èr kè 第二课	Hànyǔ pīnyīn (èr) 汉语拼音（二）	
Pelajaran 2	Fonetik Bahasa Mandarin (2).....	9
Dìsān kè 第三课	Hànyǔ pīnyīn (sān) 汉语拼音（三）	
Pelajaran 3	Fonetik Bahasa Mandarin (3).....	17
Dìsì kè 第四课	Hànyǔ pīnyīn (sì) 汉语拼音（四）	
Pelajaran 4	Fonetik Bahasa Mandarin (4).....	23
Dìwǔ kè 第五课	Hànyǔ pīnyīn (wǔ) 汉语拼音（五）	
Pelajaran 5	Fonetik Bahasa Mandarin (5).....	29
Dìliù kè 第六课	Hànzì 汉字	
Pelajaran 6	Tulisan Bahasa Mandarin.....	41
Dìqī kè 第七课	Nǐ jiào shénme míngzì 你叫什么名字	
Pelajaran 7	Siapakah nama kamu	55

Dìbā kè 第八课	Wènhòu 问候	
Pelajaran 8	Tanya khabar	65
Dìjǐu kè 第九课	Lǐmào yòngyǔ 礼貌用语	
Pelajaran 9	Memberi salam.....	73
Dìshí kè 第十课	Wǒ de jiā 我的家	
Pelajaran 10	Keluarga saya	81
Dìshíyī kè 第十一课	Wǒ de dàxué 我的大学	
Pelajaran 11	Universiti saya.....	91
Dìshí èr kè 第十二课	Shùzì 数字	
Pelajaran 12	Nombor	99
Dìshísān kè 第十三课	Rìqī yǔ jiéri 日期与节日	
Pelajaran 13	Tarikh dan perayaan.....	109
Dìshísì kè 第十四课	Yāoyuē 邀约	
Pelajaran 14	Pelawaan	121
Dìshíwǔ kè 第十五课	Shíwù yǔ yǐnliào 食物与饮料	
Pelajaran 15	Makanan dan minuman	131
参考书目	Bibliografi	139

KATA PENGANTAR

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia!

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada Cheong Kar Mee kerana berjaya menghasilkan buku "Mari Belajar Mandarin" yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Sesungguhnya penghasilan buku ini jelas menggambarkan kegigihan dan keikhlasan beliau dalam usaha memudahkan pembelajaran dan pengajaran Bahasa Mandarin.

Pembelajaran Bahasa Mandarin melalui buku berkualiti dan komprehensif amat penting kerana bahasa itu sendiri merupakan unsur komunikasi paling berpengaruh dalam membentuk minda seseorang insan. Maka, menjadi tanggungjawab pendidik daripada pelbagai kepakaran untuk menyumbang ilmu masing-masing dalam menyampaikan pengetahuan bahasa yang betul sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara yang bertujuan melahirkan rakyat berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri.

Keutuhan negara China sebagai kuasa ekonomi dunia mendorong kepada populariti penggunaan Bahasa Mandarin terutamanya di rantau Asia Pasifik. Justeru, penghasilan buku seumpama ini di adalah satu langkah yang bijak kerana kita sentiasa ingin meningkatkan daya saing rakyat dan negara bagi mencapai agenda kemajuan. Saya berharap lebih ramai ilmuan akan mencontohi beliau dalam menghasilkan lebih banyak buku Bahasa Mandarin yang berkualiti dari masa ke semasa.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Puan Cheong di atas penghasilan buku ini dan semoga ia mendapat sambutan yang hebat.

Sekian terima kasih.

Yang ikhlas

DATUK IR DR WEE KA SIONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

PRAKATA

Sesungguhnya penulisan buku ini telah dilaksanakan melalui bantuan dan saranan kenalan saya. Pada masa yang sama ia menggambarkan komitmen dan peranan pelbagai pihak demi menghasilkan buku bahasa ketiga yang senang dipelajari dan menjadi rujukan pembaca.

Harapan saya buku ini memberi inspirasi kepada pelajar untuk mempelajari bahasa Mandarin dengan lebih mudah. Kandungan buku yang dibangunkan berdasarkan kepada keadaan persekitaran dan komunikasi harian pelajar sama ada di rumah atau di universiti.

Penekanan turut diberikan kepada struktur bahasa, fungsi bahasa dan pengetahuan budaya yang berkaitan. Malah, buku ini disertakan dengan siri latihan dan nota-nota yang berguna kepada pelajar. Panduan audio menggunakan cakera padat (CD) mengandungi cara sebutan dan dialog ringkas sebagai panduan.

Kandungan buku ini telah disusun dalam bentuk yang paling senang dan mudah difahami. Ia mengandungi susunan tajuk-tajuk pelajaran yang berpandukan contoh-contoh yang jelas di samping sebutan dan terjemahannya dalam bahasa Melayu. Semoga panduan yang terkandung dalam buku ini cukup berguna kepada sesiapa sahaja yang ingin mempelajari asas komunikasi dalam Bahasa Mandarin.

CHEONG KAR MEE

Guru Bahasa
Jabatan Bahasa
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dekan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, Dr. Zawiah Mat kerana telah memberi sokongan dan dorongan kepada saya untuk menyiapkan buku ini. Saya juga berterima kasih kepada Ketua Jabatan Bahasa, Puan Subatira a/p Balakrishnan di atas bantuan serta panduan yang telah diberikan.

Di samping itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga orang penilai buku ini terdiri daripada Prof. Madya Dr. Hoe Foo Terng dari Universiti Teknologi MARA, Puan Chan Suet Fong dari Politeknik Ungku Omar dan Puan Julia Tan Yin Yin dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK).


Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka iaitu Dr. Lee Mei Ph'ng, Cik Tan Poh Ee, Puan Norun Najjah Ahmat dan Encik Mohd Helmi Omar kerana telah meluangkan masa dan tenaga untuk menyiapkan buku ini. Tidak lupa juga kepada Dr. Chew Boon Cheong, Puan Faradila Md Yusof dan Encik Shamsudin Ithnin yang bertungkus-lumus bersama saya menghasilkan rakaman suara.

Akhir sekali, kalungan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya di Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan yang banyak membantu dan memberi komen yang bernas. Segala tunjuk ajar, kerjasama dan dorongan yang diberikan oleh semua pihak membolehkan saya menyiapkan buku "Mari Belajar Mandarin" dengan jayanya.

Salam Hormat,

Cheong Kar Mee

2015



Dìyī kè Hán yǔ pīnyīn yī

第一课 汉语拼音 (一)

Pelajaran 1 Fonetik Bahasa Mandarin (1)

Hasil Pembelajaran:

1. Mengenal pasti suku kata, konsonan, vokal dan tanda nada Bahasa Mandarin.
2. Menunjuk cara sebutan 'iu', 'ui' dan 'un' dengan betul berpandukan peraturan ejaan dalam fonetik Bahasa Mandarin.
3. Membaca kombinasi antara konsonan 'b', 'p', 'm', 'f' dengan vokal 'a', 'o', 'e', 'i', 'u' dengan betul.



Yīnjié

1.1 音节 Suku kata

Sistem Hanyu Pinyin merupakan panduan sebutan perkataan Bahasa Mandarin. Suku kata merupakan satu unit fonetik yang dapat menggambarkan makna sesuatu perkataan mengikut konteks tertentu. Ini adalah kerana cara sebutan yang betul membolehkan kita menghubungkaitkan bunyi yang dihasilkan dengan makna sesuatu perkataan. Seperti contoh dalam jadual di bawah, suku kata 'mā' menghasilkan bunyi perkataan '妈' yang bermaksud emak.

Perkataan	Sukukata	Makna
妈	mā	emak, ibu

Shēngmǔ

1.2 声母 Konsonan

Konsonan merupakan abjad yang terletak pada permulaan suku kata. Terdapat 21 konsonan dalam Bahasa Mandarin. Senarai konsonan dalam Bahasa Mandarin adalah seperti berikut:

b	p	m	f
d	t	n	l
g	k	h	
j	q	x	
zh	ch	sh	r
z	c	s	

Yùnmǔ

1.3 韵母 Vokal

Terdapat tiga kategori vokal iaitu vokal tunggal, vokal majmuk dan vokal majmuk yang mempunyai konsonan nasal di akhir suku kata. Senarai vokal dalam Bahasa Mandarin adalah seperti berikut.

Vokal tunggal	a, o, e, i, u, ü
Vokal majmuk	ai, ei, ao, ou, ia, ie, iu (iou), ua, ue, ui(uei), üe, uai, iao
Vokal majmuk yang mempunyai konsonan nasal di akhir suku kata	an, en, in, un (uen), ün ian, uan, üan, ang, eng, ing, ong iang, uang, ueng, iong

Selain tiga kategori fonem akhir seperti jadual di atas, terdapat juga dua kategori vokal khas seperti berikut:

Vokal khas	-i, ê
Vokal yang mempunyai bunyi gelungan pada akhir suku kata	er

Shēngdiào

1.4 声调 Nada

Bahasa Mandarin merupakan bahasa yang bernada. Nada merupakan kelangsungan bunyi. Fonetik Bahasa Mandarin adalah berdasarkan nada di mana suku kata yang sama tetapi mempunyai nada yang berlainan melambangkan perkataan Bahasa Mandarin yang berbeza.

Perkataan	Suku Kata	Makna
灰	huī	kelabu
回	huí	balik
毁	huǐ	musnah
会	huì	boleh

Terdapat 4 nada dalam Bahasa Mandarin. Keempat-empat tanda nada mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri.

Tanda nada	Maksud
Nada pertama diwakili oleh tanda “-”	Bunyi yang tinggi dan mendatar
Nada kedua diwakili oleh tanda “-”	Bunyi mula dari sederhana kemudian menaik
Nada ketiga diwakili oleh tanda “^”	Bunyi menurun kemudian dinaikkan semula
Nada keempat diwakili oleh tanda “`”	Bunyi dari tinggi ke rendah

Pīnyīn zhǔnzé

1.5 拼音准则 Peraturan ejaan dalam fonetik Bahasa Mandarin

- Vokal 'iou', 'uei' dan 'uen' dijadikan panduan untuk sebutan 'iu', 'ui', dan 'un'.
- '-i' merupakan vokal kategori khas. Jika fonem ini diikuti dengan konsonan 'zh', 'ch', 'sh', 'z', 'c', 's' atau 'r', vokal tunggal '-i' ditulis sebagai 'i' seperti 'zhi', 'chi', 'shi', 'zi', 'ci', 'si' dan 'ri'.

Shēngmǔ hé yùnmǔ de zúhé

1.6 声母和韵母的组合

Kombinasi antara konsonan b, p, m, f dengan vokal tunggal a, o, e, i, u

Konsonan 'b' dan 'p' boleh digabungkan dengan vokal tunggal 'a', 'o', 'i', dan 'u'. Konsonan 'm' pula boleh digabungkan dengan semua vokal tunggal seperti dalam jadual di bawah, manakala konsonan 'f' hanya boleh digabungkan dengan vokal akhir 'a', 'o' dan 'u' sahaja.

	a	o	e	i	u
b	ba	bo	-	bi	bu
p	pa	po	-	pi	pu
m	ma	mo	me	mi	mu
f	fa	fo	-	-	fu

Jadual berikut menunjukkan suku kata bernada yang wujud dalam kamus Bahasa Mandarin hasil daripada gabungan konsonan 'b', 'p', 'm' dan 'f' dengan vokal tunggal 'a', 'o', 'e', 'i' dan 'u'. Petak yang bertanda '-' bermaksud suku kata bernada tersebut tidak wujud dalam kamus Bahasa Mandarin, contohnya, 'pă', 'fō', 'fō' dan 'fō'.

Bil.	Nada pertama	Nada kedua	Nada ketiga	Nada keempat
1	bā	bá	bă	bà
2	bō	bó	bǒ	bò
3	bī	bí	bǐ	bì
4	bū	bú	bු	bù
5	pā	pá	-	pà
6	pō	pó	pǒ	pò
7	pī	pí	pǐ	pì

8	pū	pú	pǔ	pù
9	mā	má	mǎ	mà
10	mō	mó	mǒ	mò
11	mī	mí	mǐ	mì
12	mū	mú	mǔ	mù
13	fā	fá	fǎ	fà
14	-	fó	-	-
15	fū	fú	fǔ	fù

n 'u'.
lalam
akhir

ahasa
nggal
:sebut

t

Liànxí

练习 Latihan



1. Tuliskan tiga suku kata Bahasa Mandarin

a. _____ b. _____ c. _____

2. Lengkapkan jadual di bawah.

Nada pertama	Nada kedua	Nada ketiga	Nada keempat
--------------	------------	-------------	--------------

bā

pó

mì

fǔ

3. Baca suku kata berikut dengan betul.

bā - pā

bō - pō

mí - pí

bó - pó

bǐ - pǐ

mǎ - fǎ

MARI BELAJAR MANDARIN

來學中文

CHEONG KAR MEE kini berkhidmat sebagai guru bahasa Mandarin di Jabatan Bahasa, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Pendidikan dari Universiti Terbuka Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda dalam pengkhususan pengajian bahasa Mandarin dari Universiti Putra Malaysia. Beliau telah mengajar Mandarin sebagai bahasa ketiga sejak 15 tahun yang lalu dan institusi yang beliau pernah berkhidmat adalah Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, Pusat Pendidikan Profesional Berterusan, Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman dan Kolej Titian Jaya. Selain institusi pendidikan, beliau juga telah menjalankan kursus pendek Mandarin untuk Firma Undang-undang: Cheang & Ariff dan Maslan bersekutu; Syarikat insurans: Pacific insurans Berhad; Syarikat Pelaburan: Asiasons; dan Agensi Penyelidikan: INSAP, MCA.



"Saya yakin buku ini bakal memberi manfaat kepada kumpulan sasaran serta memberi nafas baharu kepada pembelajaran Bahasa Mandarin yang lebih menarik dan berkesan. Panduan yang disediakan adalah jelas dan boleh diikuti dengan mudah di setiap peringkat pembelajaran."

~ Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung
Mantan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
PENERBIT UNIVERSITI

ISBN 978-967-0257-45-7



9 789670257457